KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	10/11/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	PERHILITAN			

Paling banyak aduan diganggu kera, babi hutan

IIM 10.11.2021_20

Seremban: Konflik antara manusia dengan kera dan babi hutan adalah aduan tertinggi diterima Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Sembilan pada setiap tahun.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, pihaknya memandang serius masalah itu kerana kehadiran haiwan terbabit turut mengancam keselamatan selain merosakkan tanaman.

"Di Negeri Sembilan sebahagian besar kawasannya adalah pertanian dan aduan yang banyak diterima ialah daripada pengusaha dan petani.

"Ia menyebabkan kerugian kepada golongan itu terutama pada musim buah-buahan sedangkan kos untuk memulakan operasi yang terpaksa mereka tanggung adalah tinggi.

"Difahamkan, masalah gangguan haiwan terbabit turut berlaku di taman-taman perumahan di kawasan bandar. Sebelum ini juga ada kes kanak-kanak yang dicederakan kera," katanya.

Terdahulu, Aminuddin menyerahkan sebanyak 15 unit perangkap besar primat/kera dan 24 unit perangkap babi hutan dengan nilai RM120,000 bagi menangani permasalahan itu.